

UMRAH ZIARAH AMMAN & BAITULMAQDIS | 16 HARI 13 MALAM



UMRAH EKONOMI MUSIM BIASA

👤👤👤 **RM8,190** 👤👤 **RM8,690** 👤 **RM9,390**

02 Okt - 16/17 Okt 2019	01 Jan - 15/16 Jan 2020	19 Feb - 04/05 Mac 2020
09 Okt - 23/24 Okt 2019	06 Jan - 21/22 Jan 2020	26 Feb - 11/12 Mac 2020
30 Nov - 13/14 Nov 2019	08 Jan - 22/23 Jan 2020	04 Mac - 18/19 Mac 2020
06 Nov - 20/21 Nov 2019	15 Jan - 29/30 Jan 2020	11 Mac - 25/26 Mac 2020
09 Nov - 24 Nov 2019	22 Jan - 05/06 Feb 2020	18 Mac - 01/02 Apr 2020
10 Nov - 25/26 Nov 2019	29 Jan - 12/13 Feb 2020	25 Mac - 09 Apr 2020
15 Nov - 30 Nov 2019	05 Feb - 19/20 Feb 2020	01 Apr - 16 Apr 2020
27 Dis - 11 Jan 2020	12 Feb - 25/26 Feb 2020	08 Apr - 23 Apr 2020
30 Dis - 14 Jan 2020		

UMRAH EKONOMI MUSIM CUTI SEKOLAH

👤👤👤 **RM9,090** 👤👤 **RM9,590** 👤 **RM10,290**

18 Nov - 03 Dis 2019	02 Dis - 17 Dis 2019	16 Dis - 31 Dis 2019
20 Nov - 05 Dis 2019	09 Dis - 24 Dis 2019	20 Dis - 04 Jan 2020
25 Nov - 10 Dis 2019	11 Dis - 26 Dis 2019	23 Dis - 07 Jan 2020
27 Nov - 12 Dis 2019	13 Dis - 28 Dis 2019	25 Dis - 09 Jan 2020

UMRAH EKONOMI SAMBUT RAMADHAN

👤👤👤 **RM8,790** 👤👤 **RM9,290** 👤 **RM9,790**

15 Apr - 30 Apr 2020

UMRAH EKONOMI AWAL RAMADHAN

👤👤👤 **RM9,190** 👤👤 **RM9,690** 👤 **RM10,190**

22 Apr - 07 Mei 2020 25 Apr - 10 Mei 2020

HARI 1

Kuala Lumpur - Muscat - Amman

Jemaah berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA (Tingkat 5 - Balai Berlepas, Kaunter M) empat jam sebelum waktu perlepasan untuk urusan daftar masuk berkumpul oleh wakil syarikat. Berlepas ke Muscat dan transit di lapangan terbang Muscat, Oman sebelum meneruskan perjalanan ke Amman, Jordan. Sebaik tiba di Amman, jemaah akan dijemput oleh wakil syarikat untuk dibawa ke hotel di Amman dan bermalam di Amman.

HARI 2

Amman - Baitulmaqdis

SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel penginapan dan daftar keluar hotel. Jemaah akan dibawa terus ke **Allenby Bridge** atau juga dikenali sebagai King Hussein Bridge untuk menyeberangi sepadan Israel sebelum tiba di Jericho. **Jericho** atau bahasa Arab dikenali sebagai Ariha dipercayai merupakan bandar tertua dan bandar terendah di dunia. Jemaah akan dibawa makan tengahari dan kemudian daftar masuk hotel di Jerusalem. Makan malam di hotel.

PETA

INFORMASI

MUSIM

Musim Bunga	Mac-Mei
Musim Panas	Jun-Ogos
Musim Luruh	September-November
Musim Sejuk	Disember-Februari

MATAWANG

Jordan Dinar	1 د.ا. = RM5.89
Saudi Riyal	1 SAR = RM1.15

PERBEZAAN WAKTU

Jordan	: -6 jam
Arab Saudi	: -5 jam

VISA

Jordan	: Tidak
Baitulmaqdis	: Ya
Arab Saudi	: Ya

HOTEL PENGINAPAN

Mekah	: Haneef Firdaus/ Malak Agiyad (+-350 meter/+450 meter) @ setaraf
Madinah	: Mubarak Silver (+-150-200 meter) @setaraf

PAKEJ TERMASUK

Tiket penerbangan kelas ekonomi
Visa Umrah
Penginapan dan Pengangkutan
Makan Fullboard
Perkhidmatan Mutawwif
Insurans berkumpulan
PERCUMA Ziarah Taif
(tertakhluk kepada kelulusan dan waktu yang mencukupi)



Laut Mati, Jordan

HARI 3
Baitulmaqdis - Hebron

SP/MT/MM

Setelah selesai bersarapan, jemaah akan memulakan lawatan di Baitulmaqdis dengan melawat **Masjid Al-Aqsa** yang merupakan masjid ketiga paling suci dalam Islam. Menurut sejarah Islam, di masjid inilah Nabi Muhammad diangkat ke langit ketujuh dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Selain itu, Masjid Al-Aqsa juga merupakan kiblat pertama bagi umat Islam sebelum wahyu diturunkan di dalam Surah al-Baqarah ayat 148 untuk dihadapkan kiblat ke arah Masjid al-Haram buat semua umat Islam sehinggalah sekarang. Seterusnya melawat **Dome of the Rock**, monumen Islam tertua yang masih berdiri sehingga ke hari ini. Ia juga mempunyai mihrab yang tertua di dunia. Seterusnya, melawat **Masjid Omar** yang dibina oleh umat Islam di kawasan Saidina Umar Al-Khatab bersembahyang selepas menolak pelawaan paderi besar Baitulmaqdis untuk bersolat di Church of the Holy Sepulchre. Kemudian meneruskan lawatan ke **Mount Olive** dan menziarahi **Makam Salman Al Farisi** dan **Makam Rabiatal Adawiah**. Salman Al Farisi adalah seorang sahabat Nabi Muhammad yang terkenal dengan kecerdikannya dalam mengusulkan penggalian parit di sekeliling kota Madinah semasa perang Khandaq. Manakala Rabiatal Adawiah terkenal sebagai antara salah seorang wanita terawal yang memeluk agama Islam dan tergolong sebagai wanita sufi dalam sejarah Islam. Makan tengahari sebelum ke Hebron. **Hebron** atau Al-Khalil iaitu nama dalam Bahasa Arab terletak di pinggir barat kota Palestin dan telah disenaraikan sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO. Tetamu berpeluang untuk menerokai sejarah 3 nabi yang pernah bersemayam di kota Hebron iaitu **Nabi Ibrahim, Nabi Ishak dan Nabi Ya'kub**. Jadi, tidak sah jika tidak melawat makam mereka di sini iaitu Makam Nabi Ibrahim dan makam isteri baginda Siti Sarah, makam anak lelakinya Nabi Ishak dan makam isterinya iaitu Siti Rifqah. Kemudian, **solat maghrib dan isyak di Masjid Al-Aqsa** dan pulang ke hotel dan makan malam.

HARI 4
Baitulmaqdis - Amman

SP/MT/MM

Selepas sarapan pagi, Jemaah akan daftar keluar hotel. Kemudian, Jemaah akan dibawa melawat **Makam Nabi Musa**. Makam Nabi Musa tidak seperti makam lain kerana ukurannya yang agak besar iaitu lebih kurang 3 meter panjang dan 1.5 meter lebar. Setelah itu, akan meneruskan perjalanan ke Allenby Bridge untuk merentasi sepadan ke Jordan. Jemaah akan memulakan lawatan di Amman dengan menziarahi **Makam Nabi Shuib**. Kemudian, tetamu akan dibawa ke **Laut Mati (Dead Sea)**. Laut Mati merupakan tasik air masin yang terletak di sempadan Jordan dan Tebing Barat. Pantainya berada di kedudukan serendah 418 m di bawah aras laut yang merupakan kedudukan terendah di atas daratan dunia. Kandungan garam di dalam laut ini menyebabkan tiada hidupan laut yang boleh hidup di dalamnya, manakala jika mandi, badan akan terapung di atas air dan tidak tenggelam. Jemaah akan dibawa makan tengahari dan kemudian ke **Gua Ashabul Khafi (7 Sleepers Cave)**. Kemudian, Jemaah akan dibawa ke lapangan terbang Amman untuk penerbangan ke Muscat, Oman. Berlepas ke Muscat dan transit di lapangan terbang Muscat.

HARI 5
Muscat - Jeddah

MAK

Jemaah akan berlepas ke Jeddah. Jemaah tiba di Lapangan Terbang Jeddah dan Jemaah diminta menyerahkan passport kepada pegawai Muassasah untuk didaftarkan. Passport itu akan diserahkan semula kepada Jemaah atau dikumpul dan akan diserahkan kepada muassasah / wakil Syarikat. Jemaah akan menaiki bas untuk ke hotel penginapan di Madinah.

HARI 6-8
Madinah

SP/MT/MM

Ziarah Dalam - Maqam Rasulullah S.A.W. dan sahabat, Raudhah, dan Perkuburan Baqi', Muzium Al-Quran.
Ziarah Luar - Masjid Quba', Masjid Qiblatain, Medan Peperangan Khandaq (Masjid Tujuh), Pasar Kurma.
Ziarah Pilihan (dengan bayaran tambahan) - Kilang Al-Quran (hanya jemaah lelaki sahaja), (Tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa kerajaan Arab Saudi)

HARI 9
Madinah - Mekah

SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel, kemudian Jemaah akan membuat **Ziarah Wada'** dan pulang ke hotel untuk memakai ihram dan daftar keluar. Bertolak ke Mekah dan bermiqat di **Masjid Bir Ali (Umrah Pertama)**. Tiba di Mekah, Jemaah akan mengerjakan tawaf dan saie secara berjemaah dan dibimbing oleh mutawwif. Daftar masuk hotel.

HARI 10-14
Mekah

SP/MT/MM

Ziarah Luar - Jabal Rahmah, (Arafah), Muzdalifah, Jamrah dan Mina (melintasi & memandang dari dalam bas), Masjid Ja'ranah dan miqat (umrah kedua).
Umrah Tana'im - miqat untuk umrah (umrah ketiga)
Ziarah Pilihan Hudaibiyah (dengan bayaran tambahan) - Muzium Haramain - (Tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa kerajaan Arab Saudi), Masjid Hudaibiyah dan miqat.

HARI 15
Jeddah - Muscat

SP/MAK

Jemaah akan melakukan **Tawaf Wida'** dan seterusnya Jemaah akan dibawa ke Lapangan Terbang Jeddah untuk penerbangan ke Muscat, Oman. Berlepas ke Muscat dan transit di lapangan terbang Muscat. Kemudian meneruskan perjalanan ke Lapangan Terbang Kuala Lumpur.

HARI 16
Kuala Lumpur

Jemaah dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



Masjid Nabawi, Madinah



Masjidil Haram, Mekah

Nota

*Turutan aturcara ini boleh berubah semasa perjalanan sebenar. Tiada jaminan bahawa pakej ini mesti dimulakan dengan perjalanan ke Madinah dahulu dan diikuti Makkah melainkan bagi penerbangan yang tiba di Lapangan Terbang Madinah sahaja.

*Tuntutan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang dikendaki oleh syarikat insurans

*Harga kanak-kanak diskaun RM500 dari harga dewasa

*Harga Bayi: RM1,500

*Bagasi: 30kg seorang